

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 1 DISEMBER 2016 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	BIMP EAGA sasar perolehan RM300 juta	KOSMO
2.	Sumbangan sektor bioekonomi dijangka kekal 11.3 peratus	BERNAMA
3.	MSU wins special award and gold medals	KOSMO
4.	Alat senaman Medi-Bike Exerciser juarai cabaran inovasi	Berita Harian
5.	Hanya satu pusat pemindahan dibuka di Terengganu	BERNAMA
6.	Lima pusat pemindahan banjir ditutup	Berita Harian
7.	Heavy rains expected again for east coast and north from today until Saturday	The Star

BIMP EAGA sasar perolehan RM300 juta

Oleh NOR SYARIZA MUHD. TAHIR

KUALA LUMPUR – BIMP EAGA Bioeconomy Development Holdings Sdn. Bhd. (BIMP EAGA Bioeconomy) menasarkan untuk menjana perolehan berpotensi bernilai RM300 juta menjelang 2021.

Nilai tersebut diperoleh melalui Projek Ladang Lebah Madu Borneo bawah pelaksanaan program Pembangunan Bioekonomi Komuniti (BCDP) negeri Sabah.

Penasihat Eksekutifnya, Yan Hashim berkata, sebanyak 5,000 tan metrik madu mentah bakal dihasilkan bagi digunakan untuk produk hiliran berasaskan madu termasuk kosmetik dan minuman.



YAN (dua dari kanan) bersama Yahya (tiga dari kiri) dan Syed Agil (tiga dari kanan) pada majlis pelancaran BCDP Sabah di Kuala Lumpur semalam.

“Projek perintis ini bakal dilaksanakan di tiga buah lokasi iaitu Kinarut, Sipitang dan Kota Belud dengan jangkaan untuk bermula di Kinarut pada Februari 2017,” katanya.

Beliau berkata demikian

pada sidang akhbar selepas pelancaran BCDP, permetraian memorandum persefahaman antara BIMP EAGA Bioeconomy dengan Flora Bee Hive Enterprise Sdn. Bhd., Pengumuman kontrak jual beli antara BIMP EAGA Bioeconomy dan Xali Pte. Ltd. (Singapore) itu dibuat di sini semalam.

Turut hadir Timbalan Ketua Menteri Sabah merangkap Menteri Pertanian & Industri Makanan Sabah, Datuk Seri Yahya Hussin dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Bioeconomy Corporation, Syed Agil Syed Hashim.

BCDP merupakan salah satu program yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan peserta terlibat dalam aktiviti ekonomi berdasarkan bioteknologi.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 1 DISEMBER 2016 (KHAMIS)



Sumbangan Sektor Bioekonomi Dijangka Kekal 11.3 Peratus

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Sektor bioekonomi negara dijangka mengekalkan sumbangan sebanyak 11.3 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), tahun ini.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bioekonomi Malaysia (Bioeconomy Corp) Syed Agil Syed Hashim berkata ia menyamai sumbangan sebanyak 11.3 peratus atau RM130.8 bilion bagi KDNK tahun lepas.

"Setakat November 2016, sejumlah 28 projek di bawah Program Pembangunan Komuniti Bioekonomi (BCDP) sudah dilaksanakan di seluruh negara.

"Projek-projek itu termasuk usaha penghasilan rumpai laut, cendawan dan penternakan lebah yang membabitkan 747 pengusaha dan mampu memberi impak langsung kepada seramai 3,586 penduduk kampung di seluruh Malaysia.

"Menerusi projek-projek ini, saya yakin sumbangan terhadap KDNK akan kekal menyamai tahun lepas," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Projek BCDP Sabah, di sini, Rabu.

Syed Agil berkata, lebih 30 projek BCDP akan dilaksanakan pada tahun depan dan menumpukan masyarakat setempat, khususnya kalangan B40 (40 peratus berpendapatan terendah) bagi membantu mereka menjana pendapatan lebih tinggi.

"Perbadanan ini juga akan berperanan sebagai pihak memadankan perniagaan antara masyarakat setempat dengan syarikat peneraju," katanya.

BCDP merupakan komponen utama Program Pemacu Bio di bawah Program Transformasi Bioekonomi yang diperkenalkan pada Oktober 2012.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR
KOSMO (NIAGA) : MUKA SURAT 52
TARIKH: 1 DISEMBER 2016 (KHAMIS)**

MSU wins special award and gold medals

MANAGEMENT & Science University (MSU) successfully won three gold medals, one bronze medal and Special Award in the recently concluded Pertandingan Reka Cipta dan Inovasi Institusi Pengajian Tinggi Swasta 2016 (PERINTIS 2016) held in Putrajaya.

This competition was jointly organised between a local private university and the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI) and supported by Ministry of Higher Education (MoHE).

With the theme "Better Brighter for Sustainable Future", this competition attracted more than 300 participants, including young inventors from various participating organisations and higher education institutions.

During this event, researchers shared their invention with manufacturers, inventors, distributors, licensing firms as well as the general public.

This competition was divided into two categories, which are University category (seven sub categories) and Schools category (four sub categories) as well as a Special Award category (14 sub categories).

The winners were selected based on the originality, creativity, innovation, problem solving, applicability, commercial value and marketability.

The three MSU research design that won the Gold Medals were the Halal Soap Formulation for Halal Household Detergents (Living Necessities category), New Technique Developed for

MSU researchers also received a special award for the PERINTIS Most Promising Invention Award for design innovation of Halal Soap Formulation for Halal Household Detergents.

Welding Dissimilar Steels (Advance Materials/Machinery/Metal category) and Real-Time Monitoring System for Baby Health (IT/Multimedia category).

Meanwhile, the research design of Mangosteen Pericarp Extract as Medical Chitosan Patch for Skin Infection (Education/Sports and Health category) clinched the bronze medal.

MSU researchers also received a special award for the PERINTIS Most Promising Invention Award for design innovation of Halal Soap Formulation for Halal Household Detergents.

This bi-annual competition will be held at MSU as the organiser of the third edition in 2018.

■ For more information, look out for the advertisement in this *StarSpecial*.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (VARSITI) : MUKA SURAT V4
TARIKH: 1 DISEMBER 2016 (KHAMIS)

Alat senaman Medi-Bike Exerciser juarai cabaran inovasi



KIK Galaksi R-3 yang mencipta Medi-Bike Exerciser dinobatkan johan Cabaran Inovasi Inklusif Zon Utara 2016.

Georgetown: Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Galaksi R-3 dari Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT), Universiti Sains Malaysia (USM), mengungguli Cabaran Inovasi Inklusif Zon Utara 2016.

Pada pertandingan itu anjuran Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) melalui anak syarikat, YIM Technology Resources Sdn Bhd (YTR), johan menampilkan inovasi Medi-Bike Exerciser berupa alat senaman gabungan untuk kedua-dua anggota atas dan bawah badan supaya aktiviti senaman dapat dijalankan serentak.

Kemenangan itu menyaksikan kumpulan terabit membawa pulang hadiah wang tunai RM5,000, trofi dan sijil penyertaan, selain

menerima tawaran SME Corporation Malaysia untuk mengkomersialkan inovasi berkenaan.

Ketua Galaksi R-3, Muhammad Akasyah Baharum, berkata alat senaman itu dapat mengurangkan masa rawatan pesakit yang mengalami masalah mobiliti anggota atas dan bawah badan, tanpa menjaskan kualiti rawatan.

Beliau berkata, inovasi itu sekali gus membantu mempercepat proses pemulihan dan membolehkan lebih ramai pesakit menjalani rawatan pada satu-satu masa.

Capai kejayaan
“Struktur alat senaman itu yang ringkas dan boleh dilaras mengikut kedudukan serta ketinggian pengguna bukan sahaja memberi kese-

lesaan kepada pesakit tetapi juga dapat mengekalkan postur tubuh badan yang ergonomik,” katanya.

Medi-Bike Exerciser juga pernah mencapai beberapa kejayaan membanggakan, termasuk muncul antara 10 projek terbaik Anugerah Inovasi Negara (AIN) 2016 anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, serta meraih Anugerah Emas pada International Convention on Quality Control Circles (ICQCC) 2016 di Bangkok, Thailand.

Cabaran menarik 18 penyertaan pada peringkat Zon Utara itu memberi peluang untuk rakyat menghasilkan inovasi inklusif yang mampu menyelesaikan permasalahan dari segi kepentingan gunaan, kesihatan, produktiviti dan pendidikan.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 1 DISEMBER 2016 (KHAMIS)



Hanya Satu Pusat Pemindahan Dibuka Di Terengganu

KUALA TERENGGANU, 1 Dis (Bernama) -- Hanya satu pusat pemindahan banjir masih dibuka di negeri ini iaitu di Sekolah Kebangsaan Chendering yang menempatkan tujuh orang dari tiga keluarga.

Pemangku Pengarah Jabatan Kemajuan Masyarakat Terengganu, Rusmi Mahmood berkata 322 orang dari 329 mangsa yang berada di empat pusat pemindahan sebelum ini telah dibenarkan pulang susulan air telah surut di kawasan mereka.

Beliau berkata penduduk terutama di kawasan rendah perlu terus berwaspada berikutan **Jabatan Meteorologi** meramalkan hujan lebat dijangka berterusan sehingga Sabtu ini.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 31
TARIKH: 1 DISEMBER 2016 (KHAMIS)



[FOTO ROZAINAH ZAKARIA/BH]

Zulkifli Deraman bersama isteri, Mariam Muda membersihkan rumah yang berlumpur akibat banjir kilat di Kampung Chabang Empat, Chendering, semalam.

Lima pusat pemindahan banjir ditutup

303 mangsa di Kemaman dibenar pulang petang semalam

Oleh Farah Marshita
Abdul Patah dan
Shamsudin Husin
bhkt@bh.com.my

Chukai

Lima daripada enam pusat pemindahan banjir di daerah Kemaman dan Kuala Terengganu yang dibuka sejak kelmarin, ditutup sepenuhnya jam 6 petang semalam.

Pemangku Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri, Rusmi Mahmood, berkata hanya satu lagi pusat pemindahan yang masih dibuka iaitu di Sekolah Kebangsaan (SK) Chendering, Kuala Terengganu. Katanya, pusat peminda-

han SK Chendering itu masih menempatkan tujuh mangsa daripada tiga keluarga hingga jam 6 petang semalam.

Ditutup sepenuhnya
Dua pusat pemindahan di Balai Raya Kampung Gong Tok Nasek dan SK Pasir Panjang di Kuala Terengganu ditutup sepenuhnya petang semalam.

"Semua 303 mangsa yang ditempatkan di tiga pusat pemindahan di Kemaman iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Badrul Alam Shah, Kemasik; SK Telong Kalong dan Balai Raya Kampung Titian Baru, sejak petang semalam (kelmarin), juga sudah dibenarkan pulang ke rumah masing-masing, petang semalam," katanya.

AMARAN HUJAN LEBAT

Info



Angin kencang dijangka landa enam negeri

Sementara itu, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) melaporkan ribut petir, hujan lebat berserta angin kencang dijangka melanda enam negeri selama tiga hari bermula hari ini hingga Sabtu.

Menerusi laman webnya yang dimuat naik pada jam 6.10 petang semalam, jabatan itu mengeluarkan amaran kuning bagi penduduk di Terengganu, Kelantan, Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan bahagian utara Perak.

Keadaan itu menyebabkan angin kencang hingga 50 kilometer sejam (km/j) dan laut bergetar dengan ombak menccah ketinggian 3.5 meter.

Fakta nombor

6 PUSAT
pemindahan banjir di Kemaman

1 PUSAT
pemindahan banjir masih menempatkan tujuh mangsa setakat petang semalam

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 04
TARIKH: 1 DISEMBER 2016 (KHAMIS)

Heavy rains expected again for east coast and north from today until Saturday

By SHARANPAL SINGH RANDHAWA
sharanpal@thestar.com.my

KEMAMAN: A day after heavy rain and floods, there were clear blue skies over here and Kuala Terengganu as the waters receded from many of the flooded areas – but it could be a short-lived relief.

A “yellow stage” warning for heavy rains has been issued by the Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia) for the east coast and north of the peninsula.

The department said heavy rain was expected over Terengganu, Kelantan, Perlis, Kedah, Penang and northern Perak beginning today until Saturday.

A yellow alert rating, according MetMalaysia, indicated heavy rainfall is expected to occur within one to three days.

Eighty-seven people from Kemaman and Kuala Terengganu were forced to take refuge in several evacuation shelters after the rapid rise of flood waters on Tuesday and early yesterday. Many remain worried about the coming weeks.

Fisherman Salleh Abu Bakar, 56, from Kampung Gong Cengal here, said the coast in Kemaman was set to see high tide of up to 3.5m.

“We have started to move whatever we can to higher ground but we are worried about the coming days and month. I’m worried about what will happen if it gets worse than this.

“We were quite lucky that we were informed about the rising waters on Tuesday, allowing us to be prepared,” he said when met at the flood evacuation centre in SMK Badru Alam Shah here yesterday.

Single mother Tuan Norhayati Tuan Ahmat, 31, is thinking of moving from her rented house in Kg Baru Kemaman.

“Tuesday was my first time experiencing such floods. What I saw frightened me. I was helpless,” said Tuan Norhayati, who was stuck at home with her two children, aged 10 months and eight years.

“I was lucky that my neighbours helped me and asked me to shift to the evacuation centre. The water rose very fast. I am worried that this is just the beginning,” she said.

Zamrah Abdullah, 50, from Kampung Sarang Lang, said she preferred to stay at the centre for the time being as she found it diffi-

‘**We are worried about what will happen because we know this is the monsoon season. We are also seeing high tide at the same time.**’

Zamrah Abdullah

cult to move again.

“We are worried about what will happen because we know this is the monsoon season.

“We are also seeing high tide at the same time,” she said.

Torminah Sardi, 58, who was cleaning her house in Kampung Baru Kanan, said she believed the worst was yet to come.

“We all know what happened in the 2013 floods and how bad it was. We hope nothing like that will happen again,” she said.

All evacuation centres in Kemaman were closed yesterday, leaving only the one in SK Chendering in Kuala Terengganu open with three families still taking shelter.

“The weather has been good so far without any more rain,” said state Civil Defence Force deputy director Amirsarafudin Zalman, adding that authorities were however on standby after the yellow alert warning issued by MetMalaysia.

The National Disaster Management Agency (Nadma) has advised all relevant agencies to open operation centres following the yellow alert.

Nadma said proactive steps should be taken to prepare for possible floods at the district levels.

The agencies were also urged to send the phone numbers of their respective district operations centres to the National Disaster Command Centre.

The public flood information website, under the Department of Drainage and Irrigation (DID), also warned of possible flash floods due to the northeast monsoon.